

MELUASKAN PERSURATAN MELAYU

OLEH: ZA'BA

ILMU MENGARANG CERITA WAYANG (SAMBUNGAN)

Oleh: Taufik Hakim

2- Perkakas Cerita Wayang:

Perkakas cerita wayang itu ialah bercakap di antara orang-orang yang tercampur dalam cerita itu. Maka percakapan mereka itulah yang membentangkan segala hal-hal kejadian di dalam cerita itu dan yang merupakan sifat-sifat diri tiap-tiap seorang orang cerita itu, dan percakapan itulah juga yang menubuhkan tubuh cerita itu dari awal hingga akhirnya. Maka kepandaian bercakap itu kebanyakan orang memikirkan ialah sebagaimana kepandaian bersyair, iaitu suatu sifat kebolehan yang dibawa bersama-sama dari dalam perut ibu, dan tidak berapa daripadanya yang boleh dapat kemudian dengan diusahakan. Dalam pada itu juga berlatih bersungguh-sungguh beberapa lama dan selalu-lalu pula dibuat tentulah besar juga pertolongannya boleh menyampaikan seseorang kepada darjat pandai dan elok pada keduanya itu yakni bercakap dan bersyair.

Fikiran yang mengatakan kepandaian bercakap itu suatu kebolehan yang diperanakan bersama-sama orangnya (sebagaimana kaki tangan, mata telinga dan sebagainya dan bukan dapat ditambah-tambah kemudian), ialah kerana melihat kepada sifat-sifat yang termesti ada kepadanya: iaitu percakapan orang yang pandai bercakap itu pertama-tama tegap dan tetap pembawaannya seperti pokok besar yang tertanam ditanah; kedua ringkas dan bernas perkataannya; ketiga bijak memperkatakan sesuatu dengan isyarat dan disentuh sedikit-sedikit sahaja padahal cukup terang olehnya beberapa hal kejadian yang dimaksudkan; keempat bijak menghadapkan perhatian pendengar-pendengar kepada suatu hal

dengan dikias-kias dan dikalih-kalihkan sahaja tujuan seolah-olah dikerling dengan pantas padahal cukup menerangkan segala kedudukan hal yang dituju.

Maka sifat-sifat ini tidaklah terdapat bersamaan pada semua orang, dan tidak didapati sebagai sifat yang lekat sebatu pada semua penulis, kerana ada mereka yang tabiatnya dijadikan Tuhan pandai berkata-kata dengan banyak perkataan, pandai memakai bahasa yang menghuraikan dan pandai meleret-leretkan perkataan hingga beberapa lanjutannya. Maka jika diminta akan dia berkata-kata dengan ringkas sahaja nescaya ia terasa sesak dan sempit, pada perasaannya seolah-olah ia telah kena kurungkan dalam penjara dan seolah-olah qalamnya yang sedia hendak melimpah itu telah kena pesongkan. Dengan demikian maka keterangannya yang biasa panjang berjurai-jurai itu dirasanya telah kena kuncikan pintu dan terpaksa tinggal tersembunyi di dalam hatinya sahaja tak dapat dikeluarkan, suatu adegan atau dinding telah terdiri menyekat akan perangnya yang sentiasa cenderung hendak membentangkan huraian dan bercerita panjang itu!

Yang demikian ini tiada syak lagi ialah tabiat pengarang cerita yang meriwayatkan ceritanya secara biasa. (atau pengarang tarikh yang boleh menulis kitab tarikhnya hingga berpuluh jilid, atau pengarang rencana-rencana buah fikiran, bahasan falsafah dan siasatan ilmu pengetahuan). Adapun pengarang cerita wayang maka tabiatnya ialah sebaliknya daripada itu: ia merasa sempit dan kepayahan jika hendak memakai banyak perkataan atau hendak mensifatkan sesuatu dengan huraian yang panjang lebar atau hendak berlanjut-lanjut dengan bahasa yang berjurai-jurai. Tabiatnya suka kalau boleh hendaklah mendapat tujuannya dengan satu kalimah sahaja, atau merupakan sifat-sifat orang ceritanya dalam sepatah jawab yang memperkenakan, atau meliputi sesuatu

makna yang luas dalam satu ibarah yang pendek jua. Maka demikian itulah juga tukang syair: Ia ada mempunyai tabiat yang dengannya ia boleh menerangi seluruh alam wujud dengan sekerat rangkap syair sahaja, padahal jika diberi kepadanya empat lima kajang kertas kosong diminta dia menasarkan padanya makna yang telah diliputinya dalam sekerat syair itu tadi nescaya tersangkut-sangkutlah alir karangannya, lemah tiada bergaya nasarnya, dan pucat cengkung mengkung makna yang dikeluarkannya. Maka dari situ nyatalah kelihatan ia tiada upaya mengerjakan, hanya ternampak pada bahasanya rupa yang kurus kering tiada bersemangat dan banyak yang tiada betul.

Jadinya kepandaian bercakap itu sebagaimana kepandaian bersyair ialah persediaan tabiat semula jadi pada seseorang; orang yang cenderung kepadanya ialah orang yang suka berkata-kata ringkas atau memotong meringkaskan cakap-cakap yang lanjut dan karangan-karangan yang panjang diambil patinya yang pekat sahaja. Sebabnya demikian kerana musuh yang besar sekali merosakkan kepandaian bercakap ialah perangai suka membuat panjang meleret-leret dan memenuhkan apa yang dikata dengan perkataan yang tiada wajib atau tiada berisi. Padahal jika dikehendakkan percakapan yang kemas maka samalah halnya seperti syair iaitu tidak ada tempat padanya bagi sepele jua kalimah yang berlebih, dan tidak pula ada makna yang berulang barang selingkup jua, kerana tiap-tiap patah perkataan adalah tempat lapangannya yang tetap dan tertentu dan ada waktunya yang tetap dan tertentu.

Perhubungan di antara karangan syair dengan karangan cerita wayang ini bukanlah jenis perhubungan yang dikata sebagai membanding atau menyerupakan antara keduanya itu sahaja, tetapi ialah perhubungan yang sebear-benarnya telah tumbuh dalam medan persuratan dahulu kala. Pengarang-pengarang cerita wayang pada zaman Greek Tua dahulu semuanya ahli syair belaka. Dan hal yang demikian telah berkekalan hingga kepada zaman baharu kita sekarang, bahkan dalam setengah persuratan bahasa-bahasa Eropah pengarang cerita wayang itu sampai sekarang pun masih disebut “tukang syair” hatta walaupun jika dalam tiap-tiap satu cerita wayangnya itu ia hanya didapati sebagai seorang

“tukang nasar” jua (yakni walaupun sekalinya cerita wayangnya itu dikarangkannya dengan nasar sahaja)

Maka percakapan itu dengan sifatnya dikira jadi perkakas cerita wayang tertanggunglah di atas berbagai-bagai bebanan, bahkan di atasnya sahajalah sendirinya tertanggung segala bebanan menghidangkan cerita itu, kerana daripadanyalah kita dapat mengetahui akan kisah cerita itu dan segala apa kejadian dan kedudukan hal yang terkandung di dalamnya. Percakapan itu tidak menceritakan kepada kita kisah sesuatu cerita yang terjadi pada zaman yang telah lalu, tetapi adalah ia mendirikan kisah itu seolah-olah bangun dan terjadi di hadapan mata kita pada masa sekarang dengan hal keadaan hidup, bernadi dan bergerak masa sekarang juga. Pendeknya percakapan itu ialah benda yang hadir masa sekarang, benda yang berlalu pada saat ketika yang kita ada di dalamnya ini – hadir sentiasa ada pada masa ini, dengan tiada boleh jadi “telah lalu” sekali-kali selama-lamanya. Bacalah cerita-cerita wayang karangan Sophocles (495-406 D. M.) atau karangan Shakespeare (1616-1564 M) atau karangan Molière (1673 – 1622 M) hari ini dan hari esok, sebagaimana telah dibaca akan dia oleh beberapa banyak pembaca dari zaman berzaman dan kurun berkurun dahulu daripada kita. Maka sentiasalah didapati bahawa percakapan itu mengeluarkan orang-orang dalam cerita-cerita itu berdiri di hadapan kita, hadir pada masa ini, berkata-kata dan bergerak dalam masa yang hadir sekarang sampai bila-bila pun.

Jadinya perkara yang penting dalam percakapan cerita wayang itu bukanlah meriwayatkan apa yang berlaku pada orang-orang cerita itu, melainkan kepentingannya ialah mesti menjadikan orang-orang cerita itu hidup dan melalui hal ehwal kehidupan mereka di hadapan kita dengan sendirinya, tidak dengan berantara kepada orang lain sebagai tukang cerita atau juru bahasa.

Tetapi apabila percakapan itu telah menyempurnakan perkara yang mustahak ini, belumlah habis kewajibannya di situ sahaja, ada yang lain lagi. Kita tidaklah merasa

cukup jika sekiranya percakapan cerita wayang itu hanya membukakan kepada kita perkara-perkara kejadian dan kedudukan yang bermacam-macam dalam cerita itu sahaja; ia hendaklah juga mewarnakan kepada kejadian-kejadian itu kedudukan-kedudukan itu dengan warna-warna yang berpadan dengan jenis ceritanya. Misalnya cerita itu jenis “riwayat duka” maka dipilihkannya perkataan-perkataan yang membangkitkan dalam hati kita perasaan takut, gerun, duka cita, hebat, dahsyat, dan tunduk merasa kerendahan diri kita, dan jika cerita itu jenis “riwayat suka” atau kelakar maka dipilihkannya perkataan daripada kata-kata yang mengembangkan dalam hati kita perasaan jenaka dan geli hati, riang dan tertawa, gurau senda dan bermain-main, serta peringatan dan pengajaran juga. Walau hasilnya percakapan pada tangan pengarang cerita wayang adalah seperti berus pelukis pada tangan tukang lukis gambar. Maka dialah perkakas yang bergantung kepadanya kerja menggambar itu dan kerja mewarnakannya dan merupakan wujudnya, dan segala rahsia kepandaian tukang yang dicontengkan ke atas papan lukis atau ke atas kain tempat melukis itu. Akan tetapi kewajipan percakapan itu tidaklah habis dengan merupakan hal-hal kejadian dan mewarnakan berbagai-bagai kedudukan dalam cerita itu sahaja, malahan kepada percakapan itulah juga tergantungnya perkara mewujudkan sifat-sifat diri orang yang bercampur dalam cerita itu. Kita wajiblah dengan tak boleh tidak mesti dapat mengetahui dengan jalan percakapan itu akan tabiat perangai orang-orang cerita itu dan apa-apa yang ada di dalam hati mereka. Percakapan itu wajiblah memberi kita kemudahan mengecamkan sifat-sifat diri tiap-tiap orang itu, baik yang zahirnya baik yang tersembunyinya – apa yang mereka perbuat di hadapan kita dan apa yang mereka termiat di dalam hati sahaja hendak berbuat, apa yang mereka kata kepada orang lain alam cerita itu dan apa yang mereka simpan dalam hati sahaja tidak dikatakan kepada orang-orang yang lain itu.

Kemudian setelah disempurnakannya kewajipan yang tersebut itu semuanya adalah pula lagi suatu kewajibannya yang lain – iaitu percakapan itu hendaklah pula mengadakan. Udara

kewayangan yakni perkelilingan yang munasabah dengan perasaan cerita wayang. Maka ini ialah suatu kerja yang halus, tidak dinyatakan rahsianya kepada kita oleh percakapan. Dan lagi bukan pula ia suatu kerja yang disengaja-sengaja atau diamati-amati benar mengadakannya, melainkan hanyalah iaitu satu daripada perkara ajaib yang kadang-kadang terbit pada percakapan. Udara demikian ini adalah membawa perasaan kesyairan yang menarik seperti sahara, dan ada didapati akan dia terbangkit pada cerita wayang Shakespeare yang bernama “ribut besar” itu umpamanya. Tetapi apakah dan bagaimanakah rahsianya? Dan bagaimanakah dapat percakapan mengasyikkan dia daripada suatu jenis udara lain yang didapati pada suatu cerita karangan Shakespeare juga iaitu cerita “Othello” umpamanya? Kemudian udara yang terlabuh melingkungi cerita “Don Juan” karangan Molière pula lihatlah sangat jauh lainnya daripada udara ceritanya yang bernama “Tabib” itu sungguhpun pengarang Molière juga, dan udara yang memenuhi cerita, “Faust” Faust karangan Goethe (1832-1749 M) penyair German yang masyhur itu pula lihatlah sangat jauh juga bezanya daripada udara yang mengeilingi ceritanya yang bernama “Egmond” itu pula umpamanya, padahal karangan Goethe juga!

Walaupun percakapan itu ialah percakapan juga dan pengarang itu pengarang juga, masing-masing itu bersendirinya tiada bersatu antara keduanya. Tetapi percakapan adalah menajakan bagi tiap-tiap cerita wayang itu udara yang berpadanan dengannya. Maka yang hairannya pada percakapan itu bukanlah tentang ia dapat menunaikan segala tujuan yang berlainan-berlainan ini dengan sendirinya, tetapi ialah tentang ia dapat menunaikan sekaliannya itu pada waktu yang satu, terkadang dikeluarkannya perkataan yang seperti bidalan atau suatu ayat baharu yang belum pernah terdengar seperti itu dahulunya iaitu dikeluarkannya menerusi lidah seseorang daripada orang-orang cerita itu: Tiba-tiba kita lihat ibarat perkenaan itu boleh mengandungi berbagai-bagai pengertian dan perkara yang penting – di dalamnya ada khabar-khabar dari hal sesuatu kejadian yang berlaku, ada lukisan merupakan sifat-sifat kedirian seseorang,

dan ada tajaan menubuhkan udara kewayangan, dan ada calitan warna yang mewarnakan semangat orang teraniaya atau orang yang tengah kesukaan. Jika hendak dibandingkan adalah keadaannya seperti bahasa yang dilafazkan oleh lagu bunyi-bunyian (muzik) iaitu keluarinya dengan membawa rengungan yang meriwayatkan cerita, membubuh warna, membentuk rupa wujud sesuatu, dan membangkitkan perasaan pendengar-pendengar – semuanya itu pada satu ketika jua, ataupun bandingannya seperti serangkap syair yang elok. Iaitu keluarinya dengan membawa kepada hati pembaca-pembacanya perasaan sedap, manis, bertimbang, berasai fikiran, ada makna dan ada rupa di dalamnya, dan semuanya ini pada waktu yang satu.

Perkataan yang telah kita katakan ini ialah terhadap kepada percakapan dengan cara pandangan am sahaja sebagai keadaannya jadi perkakas cerita wayang. Akan tetapi percakapan itu juga jika kita tilek dengan pandangan yang khas pada masa ia dalam tangan ahlinya yang besar-besarnya nescaya kita dapati pada cara-cara melatihkannya beberapa perkara ajaib yang tentu berkehendak kepada huraian panjang tetapi kita padankan di sini dengan sedikit isyarat yang ringkas sahaja memberi satu dua perhatian yang menerangkan. Di antara yang demikian ialah seperti yang dilihat oleh tiap-tiap pemerhati tentang cara percakapan yang di pakai oleh Shakespeare dalam setengah-setengah cerita dukanya, dan tentang cara percakapan yang dipakai oleh Molière pula dalam setengah-setengah cerita kelakar dan hiburannya. Orang yang memerhati akan percakapan dalam cerita “Hamlet” umpamanya atau percakapan dalam cerita “Macbeth” tentulah nampak bahawa cara percakapan di antara orang-orang cerita dalam kedua-duanya itu tidaklah mengikut secara pertuturan bercakap yang sebenarnya terpakai di antara manusia dalam kehidupan hari-hari, melainkan ialah percakapan yang dituturkan dengan gaya pertuturan syair. Maka yang demikian tidaklah ia mengalir dengan ikatan nizamnya yang sejati itu pada kehidupan manusia yang sebenar, tetapi mengalir ia pada kehidupan fikiran dalam hati. Kaedah percakapan yang demikian selalu melompat-lompat pada beberapa tempat, menghembur menyeberangi beberapa gawang yang menganga, dan mengambil

bantuan daripada kalimah-kalimah yang bersinar menerangi sekelilingnya. Daripada bidalan-bidalan yang tajam belangahnya daripada gambaran-gambaran bahasa yang bergemilang, supaya dapat sampai dalam kandungan dua tiga muka surat sahaja menembusi masuk ke dalam segala gua hati keinsanan dan menyelungkar segala rahsia-rahsia tabiat manusia.

Shakespeare ialah seorang pengarang yang memakai perkara-perkara kejadian yang sebenar pada cara karangannya. Ia telah memelihara tabiat dan jalan tukang syair pada cara ia memanakan perkara yang halus-halus dalam hal ehwal kehidupan dan hal ehwal manusia. Maka syairnya walaupun bersifat “lepas” atau “melarat” yakni lebih hampir kepada keadaan nasar daripada keadaan syair tetapi semangatnya sentiasalah juga bersifat setinggi-tinggi keadaan syair. Sementara itu maka Molière pula telah menulis setengah daripada cerita-cerita kelakarnya dengan cara syair yang terikat kepada keadaan bertimbang dan bersukat; tetapi gaya percakapan dalam cerita-cerita itu sentiasa melurut dengan nizamnya yang sebenar berlaku dalam kehidupan. Maka percakapan itu berlaku di antara orang-orang jenis biasa sahaja dengan tidak dihalangi oleh apa-apa selain daripada timbangan dan sukatan gubahannya itu iaitu kadang-kadang menerbitkan rasa sempit pada pendengar atau pembacanya. Dan tiada mereka tahu ke mana hendak lari berlepas diri daripadanya, pada hal tiap-tiap suatu yang lain daripada itu adalah sebagaimana yang diinginkan belaka. Pendeknya Molière adalah seorang pengarang yang memakai perkara-perkara kejadian sebenar tentang tujuannya dan tentang cara karangannya, sungguhpun ia menggunakan syair iaitu terikat kepada susunan nazam bertimbang dan bersukat.

Ini dua warna daripada percakapan itu yang dikarangkan sebagai syair, kedua-duanya mengadakan daripada orang-orang cerita yang hidup dan mengeluarkan daripada lubuk-lubuk rahsia hati akan mutiara-mutiara yang dihitungkan oleh tarikh ialah di antara perbendaharaan yang megah dalam fikiran manusia. Pada hal kedua-duanya itu berlainan cara dan jalannya – satu daripadanya mengalirkan percakapan dengan semangat syair walaupun keadaannya lebih hampir kepada nasar, dan yang satu lagi

mengalirkan percakapan dan semangat nasar walaupun keadaannya terikat kepada cara ikatan nazam yakni bersukat dan bertimbang.

Yang lain daripada dua ini ada pula jenis percakapan warna yang ketiga, karangan seseorang penyair juga yang telah menulis setengah-setengah cerita wayangnya dengan karangan syair iaitu Ibsen (1828-1900 M) seorang pengarang cerita wayang bangsa Norway yang terbilang dalam dunia. Kita dapati percakapan yang dikeluarkan di atas lidah orang-orang ceritanya adalah mengalir dengan ikatan nizamnya yang berwujud kepada hal-hal kejadian yang sebenar itu atas jalan seperti jalan Molière, tetapi didalam itu juga kita terbau-bau pula suatu bau harum yang pelik menyerap keluar dari celah-celah percakapannya itu, yang mengingatkan kepada kita bau-bauan syair yang terbau dari celah-celah kalimah percakapan Shakespeare. Jadinya Ibsen ini ialah seorang pengarang yang bersifat memakai perkara-perkara sebenar pada cara karangannya tetapi bersifat tukang syair pada udaranya.

Lain lagi ada pula warna yang keempat daripada percakapan itu seperti yang didapati pada karangan penyair besar German yang bernama Goethe (1749-1832 M) dalam cerita syair “Faust”nya yang masyhur itu, di sini kita dapati bukanlah hal-hal yang sebenar terjadi dalam kehidupan dipentingkan oleh pengarang. Ia tiada mengambil endah pun hendak menzahirkan orang-orang ceritanya daripada manusia yang hidup dalam perkelilingan manusia di alam ini, dan tidak ia mengambil berat akan apa-apa hal kedukaan manusia dan tidak pula apa-apa hal kesukaan mereka. Dan tidak juga pergaulan masyarakat mereka, kehidupan mereka, apa yang kejadian kepada mereka, apa yang memenuhi fikiran mereka atau kerja-kerja mereka, baik berkenaan dengan perkara-perkara itu sendiri atau dari pihak wujud keadaannya. Ada pun hal yang dipentingkan dalam ceritanya itu ialah perhubungan manusia dengan benda kejadian yang lebih tinggi daripadanya (seperti alam rohani, kejadian diri yang batin, fikiran-fikiran dari hal alam malakut dan alam jabarut dan sebagainya). Jadinya

di sini ialah lapangan fikiran dan kesyairan, dan di sini kita dapati cara percakapan pada Goethe sememangnya tidak boleh mengalir mengikut aturan hal-hal yang sebenarnya ada terjadi dalam kehidupan di dunia ini. Tetapi adalah ia mengalir pada kala-kalanya dengan jalan kena pikul di atas bahu fikiran, dan pada kala-kalanya pula di atas sayap-sayap syair. Oleh itu maka nyatalah Goethe dalam karangan ini seorang pengarang yang bersifat ahli fikiran tentang tujuannya, dan bersifat ahli syair tentang cara pembawaannya.

Ini hanyalah sedikit perhatian yang pantas dari hal setengah daripada cara-cara kaedah percakapan. Maka iaitu adalah menunjukkan bahawa perkakas cerita wayang itu sungguhpun satu sahaja dan tiada boleh berubah – kerana tidaklah boleh jadi barang sesuatu cerita wayang jika tidak dengan menggunakan dia – tetapi adalah perkakas ini yakni percakapan itu berlainan-lainan warnanya dan tabiat kejadian dan semangatnya dan jalannya, iaitu mengikut berlainan-lainan tabiat tukangnyanya dan tabiat kerja perlukisannya itu. Sekarang setelah kita hidangan sedikit keterangan yang ringkas ini dari hal perkakas cerita wayang. Maka apakah lagi yang ada tinggal di hadapan pengarang cerita wayang itu supaya ia menuliskan suatu cerita wayang? Jawabnya, asalkan pengarang itu telah melengkapkan dirinya dengan bekalan perkakas ini maka tidaklah ada apa –apa lagi yang tinggal di hadapannya. Melainkan hendaklah ia mulai mengarang mendirikan bangunan ceritanya itu.

[sambungan yang akhir : 3 – bentuk bangunan cerita wayang]

Orang yang baik itu mati meninggalkan nama dan orang yang jahat juga mati meninggalkan nama. Oleh sebab itu pilihlah nama mana yang kamu mau tinggalkan. – kata Hakim.

Orang yang bodoh dan kikir tetapi bersifat sopan itu sudah tentu lebih baik daripada orang yang pintar dan pemurah tetapi sombong. – kata Hakim.

Dada orang yang berakal itu ialah pati rahsianya. – Baginda Ali.